

Tak bercanggah syariat lelaki berambut panjang

Perbuatan perlu disertai niat tak menyamai orang kafir, wanita

? Bolehkah seorang lelaki menyimpan rambut panjang tanpa ada sebarang niat untuk menyerupai golongan wanita.

! Pertama sekali perlu difahamkan bahawa perbuatan menyimpan rambut panjang tidak bercanggah dengan syariat Islam selagi tiada sebarang niat untuk menyerupai orang kafir atau wanita. Jika terdapat niat ketika berbuat demikian untuk tujuan menyerupai golongan itu, maka hukumnya boleh menjadi haram.

Ini berdasarkan hadis Nabi SAW: "Sesiapa yang menyerupai sesuatu kaum, maka dia akan termasuk dalam golongan yang dimaksudkan itu." (Riwayat Abu Dawud)

Oleh demikian, perbuatan saudara itu adalah dibenarkan kerana

tiada sebarang niat untuk mengagungkan golongan bukan Islam atau menyerupai wanita dalam perhiasan. Namun, ingin saya nasihatkan supaya saudara mengambil berat terhadap adat setempat khususnya di Malaysia.

Jika adat setempat menganggap lelaki yang menyimpan rambut panjang sebagai satu perkara baik dan mulia, maka saudara boleh meneruskan usaha itu. Tetapi jika sebaliknya, maka saya menasihatkan saudara elakkan berbuat demikian kerana dikhuatiri ia akan menyebabkan timbulnya pelbagai fitnah dan persepsi.

Sabda Nabi SAW: "Setiap perkara yang dilihat oleh orang Muslim sebagai baik, maka ia adalah baik di sisi Allah SWT. Jika ia dilihat buruk oleh mereka, maka ia juga turut buruk di sisi Allah SWT." (Riwayat Ahmad).



DR MOHD IZHAR ARIFF MOHD KASHIM

ialah pensyarah Fiqh Kepenggunaan Semasa Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia

Memendekkan misai antara 10 perkara sunah

? Saya selalu melihat ustaz di televisyen kebanyakannya memendekkan misai. Adakah ia sebahagian daripada sunah Nabi SAW.

! Ya, perbuatan memendekkan misai sebahagian daripada sunah yang dituntut oleh Baginda Nabi SAW. Ia berdasarkan kepada hadis Nabi SAW: "Terdapat sepuluh perkara yang ia termasuk dalam fitrah atau sunah, memendekkan misai, memanjangkan janggut, bersiwak atau memberus gigi, menyedut air ke dalam hidung, potong kuku, membersihkan di bahagian celah-celah jari dan kawasan berlipat, cabut bulu ketiak, cukur bulu ari-ari, beristinjak dan berkumur." (Riwayat al-Tirmidhi)

Namun, ulama berselisih pandangan dalam menentukan kaedah pemotongan yang dimaksudkan oleh Baginda Nabi SAW. Pandangan mazhab Hanafi dan Hambali, potongan yang dimaksudkan oleh nabi ialah mencukur misai hingga

kelihatan kulit.

Asas mereka ialah hadis Nabi SAW: "Pendekkan misai hingga kelihatan kulit, dan biarkan janggut panjang. Bezakan diri kamu dengan golongan Majusi." (Riwayat Muslim)

Mazhab Syafi'e pula hanya menggalakkan misai digunting supaya tidak menutupi bahagian bibir atas yang selalunya digunakan untuk ruang makan dan minum. Pandangan itu lebih kepada menyarankan umat Islam supaya kelihatan lebih bersih dan sopan.

Bersih, kemas

Ulama mazhab itu juga turut melarang (makruh) umat Islam mencukur misai hingga kelihatan kulit kerana tiada nas yang jelas menyuruh kepada perbuatan itu.

Kesimpulannya, saya berpendapat perbuatan memendekkan misai atau mencukurnya adalah dibenarkan selagi ia kelihatan bersih dan kemas. Ini kerana Islam sangat menitikberatkan terhadap kebersihan dan kekeemasan.